

BAB 5

PERANAN JIAO ZONG DAN KEDUDUKAN DONGJIAOZONG DALAM SEJARAH PERKEMBANGAN PENDIDIKAN CINA MALAYSIA

Dalam bab ini, penulis akan membincangkan kegiatan Jiao Zong seperti yang diuraikan dalam bab 2, 3, 4, untuk membuktikan keselarasan matlamat kegiatan Jiao Zong dalam jangka masa ini. Adakah Jiao Zong memainkan peranan sebenarnya? Kalau tidak, apakah sebab-sebabnya menjadi fenomena ini daripada berlaku?

Selain itu, disebabkan persamaan ciri-ciri Jiao Zong dan Dong Zong iaitu sebagai pertubuhan pendidikan Cina, dan juga persamaan matlamat untuk mempertahankan dan menuntut hak berpendidikan bahasa ibunda, ini menyebabkan kedua-dua pertubuhan mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain. Dalam kebanyakan peristiwa, mereka telah berganding bahu untuk menghadapi dan menguruskan masalah bersama-sama. Kedudukan kedua-dua pertubuhan ini dalam sejarah pendidikan Cina adalah sama pentingnya. Kalau menyetepikan Dong Zong, kajian ini pasti tidak lengkap. Oleh itu, apabila berbincang tentang kedudukan Jiao Zong, kita seharusnya membincangkan kedudukan Dong Zong dengan menggunakan gelaran Dongjiaozong. Justeru hubungan kedua-dua pertubuhan ini akan ditinjau dengan sepintas lalu.

Pada akhirnya, melalui teori pergerakan sosial, pergerakan pendidikan Cina akan diterangkan agar menonjolkan ciri-ciri Dongjiaozong, masalah yang dihadapi, sumbangan dan prospeknya.

5.1 Peranan Jiao Zong dalam Matlamat Asas

Dengan penjelasan bab-bab di depan mengenai kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Jiao Zong selama 45 tahun ini, maka jelas memperlihatkan bahawa selain berusaha sedaya upaya ke arah matlamat yang pertama iaitu mendorong perkembangan pendidikan Cina, matlamat kedua dan ketiga tidak diberi perhatian sepenuh oleh Jiao Zong. Dengan kata lain, haluan usaha Jiao Zong tidak sebegitu membayangkan apa yang ditulis dalam perlembagaannya. Gejala ini disebabkan oleh pelbagai faktor sejarah yang cukup kompleks.

Walaupun perkembangan kebudayaan Cina merupakan salah satu matlamat Jiao Zong , tetapi usaha Jiao Zong dalam bidang ini adalah kurang. Jiao Zong tidak dapat menumpukan perhatian dan tenaga sepenuhnya untuk memperkembang kebudayaan Cina mungkin disebabkan alasan-alasan berikut :

(1) Menyelamatkan pendidikan Cina lebih penting daripada menyebarkan kebudayaan Cina. Pada tahun 50-an, pendidikan Cina menghadapi pelbagai kesengsaraan dan hambatan, maka kerja yang terutama pada masa itu ialah mengekalkan kewujudan sekolah Cina. Walau bagaimanapun, oleh sebab pucuk pimpinan Jiao Zong ketika itu kebanyakannya berasal dari negara China, dan mereka yang dilahirkan di Semenanjung Tanah Melayu seperti Sim Mow Yu dan Loot Ting Yee pula berpendidikan klasik lama yang merupakan sebahagian daripada kebudayaan Cina, maka bagi mereka tujuan mengadakan pendidikan Cina ialah memperkembang kebudayaan Cina. Ketika itu, perkembangan pendidikan Cina dan kebudayaan Cina tidak dapat dipisahkan. Maka sudah pasti 'memperkembangkan kebudayaan Cina' dijadikan sebagai matlamat Jiao Zong.

(2) Keperluan 'pendidikan bahasa' lebih penting daripada 'pendidikan kebudayaan'. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pada awalnya, sekolah Cina ditubuhkan khas untuk mengekalkan warisan kebudayaan Cina. Bagaimanapun, keadaan ini mula berubah setelah pengumuman *Ordinan Pelajaran 1952* yang berniat untuk menghapuskan sekolah vernakular Cina. Justeru itu, ketika menjelang kemerdekaan, Bahasa Cina telah diperjuangkan sebagai bahasa rasmi yang mana merupakan kerja utama bagi masyarakat Cina.

Cadangan memperjuangkan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi julung kalinya dikemukakan oleh Lim Lian Geok pada tahun 1954. Pada bulan Januari tahun kemudiannya, beberapa persetujuan tentang isu bahasa telah dicapai dalam Perbincangan Melaka. Pada bulan Disember tahun yang sama, Lim Lian Geok mengemukakan tiga prinsip perdana dalam mesyuarat agung Jiao Zong. Ia termasuklah bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar pengajaran dan pembelajaran; memberi layanan yang sama rata kepada pendidikan semua kaum; dan memberi peluang yang adil kepada semua aliran sekolah untuk berkembang.¹ Prinsip-prinsip ini boleh dianggap sebagai perisytiharan Jiao Zong untuk menyelamatkan pendidikan Cina. Berikutan dengan perisytiharan ini, fungsi penyebaran kebudayaan Cina sama sekali digantikan oleh usaha menyelamatkan pendidikan Cina. Bagaimanapun, yang penting sekali ialah prinsip pendidikan bahasa ibunda pertama kali dikemukakan dalam mesyuarat agung Jiao Zong, dan menduduki tempat teratas antara tiga prinsip perdana tersebut. Ini bermakna Lim Lian Geok telah menyedari kepentingan bahasa untuk mendapat kedudukan rasmi. Bahasa Cina diperakui sebagai bahasa rasmi atau tidak merupakan unsur penting yang mempengaruhi

¹ Teks ucapan Lim Lian Geok dalam mesyuarat agung Jiao Zong ke-5, dalam *Jiaozong 33nian bianweihui*, *Jiaozong 33nian*, hlm.180.

perkembangan pendidikan Cina, iaitu seperti mana yang dikatakan oleh Sim Mow Yu: “ Pendidikan Cina mempunyai kedudukan yang adil atau tidak bergantung kepada adakah Bahasa Cina diperakui sebagai bahasa rasmi atau tidak.” Lantaran itu, Jiao Zong telah memulakan gerakan untuk memperjuangkan Bahasa Cina sebagai bahasa rasmi selama 15 tahun, dan ini juga menandakan peralihan ‘pendidikan kebudayaan’ kepada ‘pendidikan bahasa’. Bagaimanapun, setelah Bahasa Melayu diluluskan dan diisytiharkan sebagai bahasa rasmi yang tunggal pada tahun 1967, isu Bahasa Cina sebagai bahasa rasmi dikatakan isu yang sensitif, dan rakyat diteguh membincangkan isu tersebut. Memandangkan pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan Bahasa Cina menghadapi pelbagai sekatan, maka ‘pendidikan bahasa’ yang memikul misi untuk mempertahankan kedudukan Bahasa Cina jauh lebih penting daripada ‘pendidikan kebudayaan’.

Walaupun perkembangan kebudayaan Cina ditetapkan oleh Jiao Zong sebagai salah satu matlamat penubuhannya, tetapi keadaan politik dan dasar pendidikan tidak mengizinkan Jiao Zong berusaha ke arah matlamat ini. Maka lama kelamaan pendidikan Cina diwujudkan semata-mata untuk memperjuangkan hak kesamaan bagi pendidikan bahasa ibunda, dan hampir tidak berkaitan dengan kebudayaan. Selain itu, perkembangan masyarakat ke arah materialistik dan isi kandungan buku teks Bahasa Cina semakin rendah tarafnya serta bercirikan unsur-unsur tempatan, merupakan halangan-halangan kepada usaha untuk memperkembangkan kebudayaan Cina.

Selain daripada memperkembangkan kebudayaan Cina, menjaga kebajikan guru juga adalah salah satu matlamat Jiao Zong. Pada tahun 30-an dan 40-an, pendapatan guru-guru sekolah Cina kurang sekali, yakni sekadar cukup untuk berbelanja diri tetapi

tidak cukup untuk mereka yang berkeluarga. Bagaimanapun, ketika itu tidak ada sebarang persatuan guru atau kesatuan sekerja ditubuhkan untuk memelihara kebajikan mereka. Sekolah Cina didirikan oleh lembaga pengelola. Maka, segala urusan termasuk gaji guru juga ditetapkan oleh lembaga pengelola, tetapi mereka langsung tidak berprihatin kepada guru-guru. Pada masa itu, Lim Lian Geok yang menjadi guru di Sekolah Confucian berfikir bahawa golongan guru harus memelihara kebajikan guru melalui usaha dan daya sendiri. Atas fikiran ini dan tiga perkara tentang nasib malang guru-guru sekolah Cina yang berlaku ketika itu telah mendorong beliau berazam untuk menubuhkan persatuan guru-guru sekolah Cina dengan tujuan mempertahankan kebajikan guru. Contohnya, sesuatu perkara yang berlaku terhadap salah seorang guru di Sekolah Confucian yang menghidap penyakit Tibi dan meninggal dunia. Seterusnya, lembaga pengelola memberikan bantuan kewangan sebanyak dua bulan gaji kepada keluarganya, tetapi lembaga pengelola juga menetapkan bahawa bantuan kewangan seperti ini tidak akan diberi untuk kali yang kedua. Perkara kedua, lembaga pengelola Sekolah Confucian menolak permintaan menambah gaji sebanyak 5 ringgit kepada guru-guru yang telah berkhidmat 5 tahun berturut-turut. Perkara ketiga, seorang guru di Teluk Intan yang hidupnya merana dan tidak terdaya menyara kehidupan keluarganya membunuh diri dan membuat wasiat agar anak cucunya tidak menjadi guru.²

Di samping itu, disebabkan sekolah Cina dipimpin oleh pengurus-pengurus yang memperuntukan kewangan, kebanyakan daripada mereka kekurangan memahami teori pendidikan. Ini telah menyebabkan berlakunya perselisihan teori pendidikan di kalangan guru dan pengurus serta ketidakpuasan guru-guru terhadap pengurus. Oleh demikian,

² Lim Lian Geok, *Wo zuzhi jiaoshi gonghui* <我组织教师公会> “Saya Menubuhkan Persatuan Guru”, dalam Lim Lian Geok, *Fengyu shuba nian (shangji)*, hlm.175-176.

persatuan guru peringkat negara yang bermatlamat melindungi guru dan menuntut kebajikan guru telah ditubuhkan.³

Jiao Zong pada awalnya juga berfikir hendak menubuhkan kesatuan sekerja untuk memperjuangkan kebajikan guru. Pada 25 Ogos 1951, Jawatankuasa Kecil Mesyuarat Perwakilan Guru-guru Sekolah Cina Seluruh Negara dalam laporan kajiannya tentang penubuhan badan induk bagi pendidikan Cina Semenanjung Tanah Melayu menjelaskan bahawa :

- (II) Persoalan tentang keanggotaan: Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru harus bersatu padu untuk memperjuangkan kebajikan mereka dan menjalankan penyelidikan tentang pendidikan.
- (III) Persoalan tentang sifat : Hasil kajian menunjukkan bahawa kesatuan sekerja biasanya membawa maksud pertentangan antara majikan dengan pekerja, sekolah Cina tidak wujud keadaan ini, maka tidak memerlukan kesatuan sekerja. Tambahan pula, persatuan-persatuan guru yang telah ditubuhkan di beberapa daerah kebanyakannya bukan kesatuan sekerja maka setakat ini lebih sesuai untuk menubuhkan gabungan persatuan-persatuan guru yang biasa, dan sekiranya perlu pada kelak boleh diubahkan kepada kesatuan sekerja.⁴

Kajian ini secara kesimpulannya menjelaskan bahawa 'Jiao Zong boleh diubahkan kepada kesatuan sekerja jika perlu' amat memeranjatkan. Tujuan asal dan matlamat -matlamat penubuhan Jiao Zong nampaknya bermaksud hendak berkembang ke arah pembentukan kesatuan sekerja yang memperjuangkan kebajikan guru-guru, jauh

³ Lim Khay Thiong, *Jiangou zhong de 'huaren wenhua': zuqun shuxing, guojia yu huajiao yundong*, hlm.69.

⁴ Zuzhi mahua jiaoyujie zongjigou wenti de yanjiu baogao <组织马华教育界总机构问题的研究报告> "Laporan Kajian tentang Penubuhan Badan Induk bagi Pendidikan Cina Semenanjung Tanah Melayu", dalam Jiaozong 33nian bianweihui, *Jiaozong 33 nian*, hlm.298-299.

berbeza dengan Jiao Zong yang berperanan untuk mempertahankan pendidikan Cina pada hari ini. Sebenarnya, menjaga kebajikan guru memang merupakan salah satu tujuan asal untuk menubuhkan Jiao Zong. Tujuan ini dapat dibaca dalam perlembagaan Jiao Zong, Manifesto Jiao Zong dan ucapan Pengerusi Jiao Zong yang pertama. Jiao Zong pada akhirnya tidak berubah menjadi kesatuan sekerja kerana beberapa sebab. Selain kerja-kerja 'menyelamatkan pendidikan Cina' yang banyak, sebab-sebab lain termasuklah kebangkitan Kesatuan Sekerja Negeri Melaka pada tahun 1952, pembentukan Kesatuan Sekerja Guru-guru Sekolah Cina Seluruh Negara dan penubuhan Kesatuan Sekerja Guru-guru Berbilang Kaum pada kemudiannya. Perkembangan pesat kesatuan sekerja menjadikan guru-guru mempunyai kesatuan sekerja yang sempurna untuk membela kebajikan mereka.

Selaras dengan matlamat penubuhannya, Jiao Zong pada mulanya turut berusaha untuk memperjuangkan kebajikan guru. Misalnya pada tahun 1953, Jiao Zong berusaha untuk memperbaiki SSB. Pada tahun 1959 pula, Jiao Zong mengemukakan tuntutan untuk meningkatkan gaji dan kebajikan guru-guru dalam mesyuarat perwakilan guru-guru seluruh negara. SSB telah disebut tiga tahun berturut-turut dalam ucapan pengerusi mesyuarat agung. Lim Lian Geok dalam ucapannya mengatakan bahawa: "Kita semua maklum bahawa kalau bukan Jiao Zong bertindak tegas untuk memperjuangkan kebajikan guru, guru-guru akan ditolak gaji oleh kerajaan dalam pelaksanaan SSB".⁵ Ini merupakan sumbangan Jiao Zong dalam usaha menjaga kebajikan guru, tetapi sumbangan ini tidak seberapa jika berbanding dengan usaha dan sumbangan yang

⁵ Teks ucapan pengerusi mesyuarat agung kali ke-4, dalam *Jiaozong 33nian bianweihui, Jiaozong 33nian*, hlm.179.

diberikan oleh Jiao Zong untuk mempertahankan pendidikan Cina yang disebabkan oleh tidak ada masa yang lebih untuk memperjuangkan kebajikan kesatuan sekerja.

Walaupun 'mendorong perkembangan pendidikan Cina', 'memperkembangkan Kebudayaan Cina' dan 'menjaga kebajikan guru' ditetapkan sebagai hala tuju Jiao Zong, tetapi selaku persatuan yang diasaskan atas sebab membantah *Laporan Barnes*, dan diikuti dengan usaha-usaha 'menyelamatkan pendidikan Cina' serta keperluan 'pendidikan bahasa', Jiao Zong telah dijadikan kubu pertahanan pendidikan Cina. Bagaimanapun, sehingga kini, Jiao Zong masih belum berjaya memainkan peranan yang penting dalam usaha memperkembangkan kebudayaan Cina dan menjaga kebajikan guru.

5.2 Perhubungan Jiao Zong dan Dong Zong

5.2.1 Pengenalan Dong Zong

Dong Zong, nama penuhnya Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, ditubuhkan pada 22hb Ogos 1954. Ahli-ahlinya terdiri daripada persatuan-persatuan lembaga pengurus sekolah Cina seluruh Malaysia kecuali Negeri Terengganu yang sehingga kini belum ditubuhkan persatuan seumpama itu. Ahli-ahli kepada pertubuhan-pertubuhan peringkat negeri ini pula terdiri daripada penderma, pelajar-pelajar lepasan sekolah, ibu bapa dan para penyokong yang mengambil berat tentang perkembangan sekolah. Tanggungjawab pertubuhan Dong Zong adalah mempertahankan serta memperkembangkan pendidikan Cina di Malaysia. Sebenarnya, pengaruh sesebuah pertubuhan adalah terbatas dan tidak mencukupi untuk menuntut hak berpendidikan bahasa ibunda. Justeru itu, Dong Zong dan Jiao Zong bersama-sama

menubuhkan dua jawatankuasa kerja iaitu Jawatankuasa Kerja SRJK(C) Dongjiaozong dan Jawatankuasa Kerja SMPC Dongjiaozong supaya mencapai matlamat yang sama.

5.2.2 Hubungan Erat Kedua-dua Buah Pertubuhan

Penubuhan pertubuhan –pertubuhan lembaga pengurus sekolah Cina adalah lebih lewat berbanding penubuhan pertubuhan-pertubuhan guru sekolah Cina. Misalnya, Pertubuhan Guru Sekolah Cina Batang Padang ditubuhkan pada tahun 1937. Pertubuhan yang seumpama itu juga ditubuhkan di Muar, Melaka, Pulau Pinang dan Sibu iaitu masing-masing pada tahun 1937, 1939 dan 1940 manakala Pertubuhan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Negeri Johor hanya ditubuhkan pada lewat tahun 1949 dan selainnya selepas tahun 1952. Sebagai contoh, pertubuhan yang serupa itu ditubuhkan di Pulau Pinang, Perak dan Negeri Sembilan pada tahun 1952 manakala di Kelantan, Selangor dan Melaka pula pada tahun 1953. Penubuhan pertubuhan-pertubuhan seumpama ini pada dasarnya bertujuan memperkembang dan mempermajukan pendidikan Cina di negara ini.⁶ Tetapi sebab utama yang menyebabkan tertanamnya akar umbi penubuhannya ialah pengumuman SSB dan *Ordinan Pelajaran 1952* pada tahun 1952. Untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi bersama, maka pertubuhan-pertubuhan ini ditubuhkan dengan kadar yang begitu cepat dalam lingkungan dua hingga tiga tahun sahaja.⁷

⁶ Tahun penubuhan persatuan guru-guru sekolah Cina lain adalah seperti: Manjung(1945), Daerah Kecil Batu Gajah dan di Sekeliling Bandar Ipoh(1946), Negeri Sembilan(1946), Ipoh(1946), Gabungan Negeri Perak(1947), Perak Utara(1947), Hilir Perak(1947), Segamat(1948), Kedah utara(1949), Kuala Lumpur(1949), Kampar(1949), Kedah Tengah(1950), Kedah Selatan(1950), Raub(1950), Perlis(1951), Johor Selatan(1952), Kluang(1952), Selangor(1953), Pahang Timur(1953), Temerloh(1955), Terengganu(1955), Johor Tengah(1956), Lipis(1957), Pontian(1961), Kelantan(1968), Gabungan Negeri Johor(1969), Bentong(1974), Gabungan Negeri Pahang(1979), Cameron Highlands(1982), Jerantut(1985), Kuala Kangsar(1995), Sibu(1996), Bahagian Kuching/Samarahan(1998), Meradong(1999), Sarikei(1999).

⁷ Tan Liok Ee, *The Politics of Education in Malaya, 1945-1961*, hlm.108.

Cadangan SSB dikemukakan pada bulan Julai, 1952. Lim Lian Geok, sebagai Pengerusi Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Kuala Lumpur telah mengemukakan pendapatnya dalam makalah yang dikarangnya dalam akhbar tempatan yang berjudul: "Perkara-perkara yang Perlu Diambil Perhatian Mengenai SSB". Beliau beranggapan bahawa cadangan baru ini akan mengakibatkan ekonomi sekolah terkongkong serta menjejaskan kehidupan harian para guru sekolah. Setelah pendapat beliau disebarkan, ia mendapat sambutan yang amat hangat dan ini telah mengakibatkan beliau dipanggil oleh pihak berkuasa untuk disoal secara keras. Selepas itu, bermulalah rundingan antara kerajaan dengan Jiao Zong terhadap SSB.⁸ Pada masa yang sama, persatuan-persatuan lembaga pengurus sekolah Cina di peringkat negeri telah mula bersedia untuk ditubuhkan. Tambahan pula, *Ordinan Pelajaran 1952* juga akan dibentangkan serta diluluskan oleh Majlis Perundangan. Jadi, Lim Lian Geok bersama-sama ahli-ahli MCA dan para ahli lembaga pengurus sekolah-sekolah Cina mengadakan mesyuarat untuk membantah perlaksanaan akta ini. Sungguhpun akta ini akhirnya juga diluluskan tetapi boleh dikatakan isu SSB dan *Ordinan Pelajaran 1952* mengakibatkan Jiao Zong dan lembaga pengurus sekolah Cina bekerjasama dengan hubungan yang amat rapat.

Isu SSB telah membangkitkan semangat perpaduan antara ahli-ahli lembaga pengurus di kebanyakan sekolah Cina dan peristiwa tersebut telah mendorong lembaga pengurus lebih mengambil berat dalam bidang menuntut kebajikan dan hak guru, dan juga menghormati pandangan Jiao Zong. Ini telah membentuk asas untuk bekerja sama antara Jiao Zong dan Dong Zong. Yang lebih penting ialah pertubuhan Persekutuan

⁸ Pada tahun 1953.08.09, Persatuan Guru-guru Cina Sekolah Kuala Lumpur telah mengemukakan Yanjiu xinxin jingchi xiaozu weiyuanhui baogaoshu <研究新薪津制小组委员会报告书> (Laporan Ahli Jawatankuasa Mengkaji Sistem Subsidi Baru), laporan ini telah membuat kajian teliti tentang kebaikan dan keburukkan sistem ini, sila rujuk Jiaozong 33nian bianweihui, *Jiaozong 33nian*, hlm.309-312.

Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaya pada 22 Ogos 1954. Walau bagaimanapun, ia masih belum bersedia untuk bekerjasama dengan Jiao Zong dalam kebanyakan hal. Pada tahun 1955, Kerajaan Perikatan turut dibentuk dan undang-undang dan peraturan-peraturan mengenai pendidikan telah dipinda. Ini mengakibatkan Lim Lian Geok mengajak Pengerusi Dong Zong, Leung Cheung Ling untuk berbincang tentang perkara tersebut. Malangnya, cadangan perjumpaan itu telah ditolak.⁹

Ketika itu, Jiao Zong dan Dong Zong pada dasarnya menjalankan pentadbiran secara berasingan. Kedua-dua pertubuhan tersebut juga jarang bekerjasama dan tidak diselaraskan dalam pentadbirannya. Disebabkan Pertubuhan Tiga kerap kali berbincang tentang isu penting seperti *Ordinan Pelajaran 1952*, *Laporan Razak* dan sebagainya, tindak ini menyebabkan mereka mempunyai peluang berbincang bersama. Melalui proses tersebutlah, kedua-dua pertubuhan ini baru menyedari kepentingan bekerjasama. Justeru itu, pengubahsuaian sikap masing-masing telah wujud.

Pada tahun 1956, Chin Chee Meow selaku Pengerusi Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Kuala Lumpur dan Negeri Selangor telah dipilih sebagai Pengerusi Dong Zong.¹⁰ Beliau berusaha mempererat kerjasama Dong Zong dengan Jiao Zong. Langkah ini telah mendapat sambutan baik dan pujaan daripada

⁹ Lim Lian Geok, *Mahua jiaoyu zhongyang weiyuanhui de zhenxiang* <马华教育中央委员会的真相> (Kebenaran Ahli Jawatankuasa Pusat Pendidikan MCA), dalam Lim Lian Geok, *Fengyu shuba nian* (*shangji*), hlm. 70.

¹⁰ Chin Chee Meow (1894?—1965), berasal dari Guangdong, China. Semasa muda ia belajar di sekolah tempat kediamannya, seterusnya melanjutkan pelajaran di Shenjiang 申江. Oleh kerana situasi yang kelam-kabut, ia terpaksa berhenti pelajarannya. Tidak lama kemudian, beliau berhijrah ke Malaya dan belajar di Sekolah Inggeris Ipoh, selepas tamat pelajaran di sekolah menengah, ia mengajar di Sekolah Ming De 明得, Ipoh. Pada tahun yang berikutnya, sekolah tersebut dihentikan oleh kerajaan penjajahan British kerana melanggar *Enakmen Pendaftaran Sekolah*. Selepas itu, ia bekerja di sebuah syarikat swasta dan dinaik pangkat sebagai pengurus pada dua tahun. Dia sangat aktif dalam bidang persatuan Cina. Dia pernah menjadi pengarah dalam beberapa buah persatuan Cina, khasnya menjadi Pengerusi Dong Zong antara tahun 1956 sehingga 1964.

Lim Lian Geok.¹¹ Pada tahun 1960 dan 1961, *Laporan Rahman Talib* dan *Akta Pelajaran 1961* pula akan diluluskan. Memandangkan Lembaga pengurus sekolah Cina yang berlatar belakang perniagaan telah mengakibatkan mereka tidak sesuai menuntut dan menentang kerajaan secara terbuka, Lim Lian Geok mencadangkan bahawa isu yang sensitif akan dibatal secara terbuka oleh Jiao Zong. Maka Dong Zong hanya bersikap bersetuju dan bisu. Apabila Pertubuhan Tiga kehilangan fungsi mempertahankan hak pendidikan Cina selepas tahun 1959, Jiao Zong dan Dong Zong terus bekerjasama dalam keadaan sebegini. Apabila *Laporan Rahman Talib* dan *Akta Pelajaran 1961* dikemukakan, Jiao Zonglah yang mengemukakan pandangan dan Dong Zong tidak menunjukkan sebarang pendapat.¹²

Pada tahun 1966, Dong Zong dan Jiao Zong bercadang untuk menubuhkan “Ahli Jawatankuasa Kerja Pendidikan Cina” dengan mencadangkan MCA sebagai ahli tetapi MCA enggan menerima tawaran ini.

Kemudian, pada tahun 1973, Dong Zong dan Jiao Zong menubuhkan sebuah jawatankuasa yang diberikan nama Jawatankuasa Kerja SMPC Dongjiaozong untuk membangunkan semula sekolah-sekolah menengah persendirian Cina yang semakin mundur. Pada tahun 1977 pula, Dong Zong dan Jiao Zong menubuhkan sebuah jawatankuasa lagi untuk memberi perhatian terhadap pembangunan sekolah-sekolah rendah Cina dengan menamakannya sebagai Jawatankuasa Kerja SRJK(C) Dongjiaozong.

¹¹ Lim Lian Geok, Chen Jimou xiansheng sida gongji<陈济谋先生四大功绩> “Empat Sumbangan En. Chin Chee Meow”, merujuk kepada Sekretariat Dong Zong(ed.), *Dongzong 30nian*, hlm.789.

¹² Tentang hal-ehwal hubungan lembaga pengurus dan persatuan guru-guru sekolah Cina tersebut, adalah pernyataan Loot Ting Yee dalam temuduga dengan beliau.

Ketika itu, gelaran Dongjiaozong baru digunakan dan disetujuinya bahawa segala masalah pendidikan Cina akan diumumkan bersama oleh kedua-dua pihak. Dengan kerjasama yang semakin erat, maka banyak masalah dapat diatasi bersama. Keadaan ini adalah berbeza dengan kaedah dahulu yang mengumumkan pendapat masing-masing. Pernyataan dan pengumuman yang diumumkan atas nama Dongjiaozong barulah kerap kali muncul. Pada tahun 1982, Tokoh pendidikan Cina Koh Tsu Koon dan Kerk Choo Ting telah memutuskan untuk menjadi ahli bagi salah sebuah parti komponen BN iaitu Parti Gerakan dengan hasrat untuk membawa pembaharuan dalam parti tersebut dan seterusnya BN keseluruhannya. Akhirnya, dua orang daripada mereka telah dicalonkan untuk bertanding di Kawasan Kepong dan Kawasan Tanjong mewakili parti BN dan kedua-duanya mendapat sokongan padat daripada anggota-anggota Dongjiaozong. Justeru itu, gelaran Dongjiaozong pertama kali digunakan dengan meluasnya oleh surat khabar Cina sehingga sekarang.¹³

Setelah pergerakan untuk membangunkan semula SMPC dijalankan, peranan Dong Zong semakin menyerlah dan sebaliknya kedudukan Jiao Zong mula merosot.¹⁴ Fenomena ini berpunca daripada tiga sebab utama iaitu: pertama setelah *Laporan Aziz* diumumkan pada tahun 1969, semua guru besar dan guru sekolah dijadikan kaki tangan kerajaan dan ini menyebabkan mereka berasa cemas apabila meluahkan bantahan atau ketidakpuasan hati terhadap polisi dan peraturan kerajaan.

Sebab yang kedua ialah, Undang-undang dan Peraturan Lembaga Pengurus menetapkan bahawa hanya ahli lembaga dibenarkan mengutip derma daripada pihak luar.

¹³ Ibid..

¹⁴ Pandangan bekas Pengerusi Sim Mow Yu, Timbalan Pengerusi Loot Ting Yee dan Ketua Setiausaha Kerja Jiao Zong Yow Lee Fung dalam temuduga masing-masing.

Maka kerja pengutipan derma sebanyak satu juta ringgit yang dijalankan oleh sekolah-sekolah Menengah persendirian Cina seluruh Negeri Perak bersama Gabungan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Negeri Perak hanya boleh disempurnakan oleh ahli lembaga pengurus. Tambahan pula, pergerakan membangunkan semula SMPC yang dijalankan ketika itu adalah bermula daripada Gabungan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Negeri Perak, maka adalah lebih munasabah Dong Zonglah yang memainkan peranan yang lebih penting. Sewaktu itu, Dong Zong dipimpin oleh Lim Fong Seng. Beliau memegang jawatan sebagai pengerusi dari tahun 1973 hingga 1990. Pada zaman pimpinan beliau, Dong Zong merupakan kumpulan yang paling kuat dan berjaya menjadi sebuah pertubuhan pendidikan yang paling berjaya di negara ini. Demi melaksanakan Kertas Cadangan Pembangunan SMPC, Lim Fong Seng telah meningkatkan bilangan pekerja-pekerja melebihi seratus orang di sekretariat Dong Zong berbanding dengan seorang pekerja pada masa dahulu. Pendek kata, reputasi dan kedudukan pemimpin Dong Zong sudah mengatasi Jiao Zong menjelang tahun 1980-an dalam aspek tenaga buruh, kebendaan dan kewangan.

Ketiga, jika dibandingkan para guru yang telah dijadikan kaki tangan kerajaan dengan para ahli lembaga pengurus yang kebanyakannya menjalankan perniagaan, para guru jelasnya lebih pasif sebalik para peniaga lebih proaktif dalam menghadapi masalah yang banyak. Maka, adalah tidak janggal kedudukan Dong Zong lebih tinggi daripada Jiao Zong selepas tahun 1980-an.¹⁵

5.3 Ciri-ciri Dongjiaozong

¹⁵ Sama dengan (12).

5.3.1 Definisi 'Pergerakan Pendidikan Cina'

Di Malaysia, pergerakan pendidikan Cina dikategorikan sebagai salah satu pergerakan sosial, tidak kira dari segi organisasi, bentuk, dan cara penentangannya juga tidak ketinggalan sekiranya dibandingkan dengan pergerakan sosial di luar negeri. Seorang cendekiawan dari Taiwan, Xiao Xinhuan dalam hasil karyanya membahagikan pergerakan sosial (menurut penggunaan sumber dalaman dan tahap tindak balas masyarakat luar) di Taiwan kepada empat bahagian. Di antaranya, pergerakan sosial yang mana kedua-dua penggunaan sumber dalaman dan tahap tindak balas masyarakat luar yang tinggi didapati belum muncul.¹⁶ Pada tahun 1950-an, pergerakan pendidikan Cina di Malaysia telah pun mencapai tahap seupama ini.

Oleh sebab setiap negara mempunyai keadaan yang berbeza dalam bidang sosial, politik, ekonomi dan kebudayaannya, maka adalah sukar untuk memberi suatu definisi yang paling tepat bagi menjelaskan maksud pergerakan sosial.

Jika pergerakan sosial ini didefinisikan sebagai 'kelakuan secara berkelompok atau berkumpulan secara sistematik untuk membantah atau meminta sesuatu dibawah suatu motif dan objektif yang jelas'¹⁷ atau 'apabila struktur sosial yang sedia ada gagal untuk mengatasi masalah sosial yang timbul, maka suatu usaha berkelompok atau

¹⁶ XiaoXinhuan, Taiwan xinxing shehui yundong di fenxi jiagou <台湾新兴社会运动的分析架构> "Struktur Analisis tentang Gerakan Pembaharuan Sosial di Taiwan", dalam Xu Zhengguang, Song Wenli (ed.), Taiwan xinxing shehui yundong 《台湾新兴社会运动》 (Gerakan Pembaharuan Sosial di Taiwan), Taipei: Juliu, 1990, hlm.37-39.

¹⁷ Ibid., hlm.24.

berkumpulan untuk mencapai hasrat tersebut',¹⁸ Maka ia adalah memadai dan selaras dengan hujah-hujah yang dibentangkan dalam bab-bab sebelum ini.

Setelah definisi secara makro ini diperoleh, maka perlulah kita lihat bagaimana pergerakan pendidikan Cina digolongkan sebagai suatu pergerakan sosial.

Seorang cendekiawan dari Taiwan, Yang Guoshu telah membahagikan ciri-ciri pergerakan sosial kepada:

1. ia berkaitan dengan suatu masalah sosial atau pegangan orang ramai terhadap sesuatu;
2. ia berpandukan ideologi yang jelas;
3. ia mengakibatkan penyertaan dan tindakan beramai-ramai dengan jangka masa yang panjang dan berterusan;
4. ia membawa pengaruh sosial dan kesan yang besar dan
5. ia berpunca dari golongan 'grass root'.¹⁹

Jika dibuat perbandingan pembahagian di atas, pergerakan pendidikan Cina dapat dikelaskan sebagai: Pertama, ia berkaitan dengan masalah-masalah pendidikan, kebudayaan dan politik yang sentiasa mendapat perhatian orang ramai. Pada tahun-tahun 50 dan 60-an, banyak memorandum, pernyataan serta ucapan tokoh-tokoh Dong Zong dan Jiao Zong sentiasa dijadikan tajuk utama dalam akhbar tempatan. Sehingga hari ini, keadaan ini tidak berubah dan terus mendapat perhatian orang ramai termasuk parti-parti politik.

¹⁸ Gao Chengsu, Taiwan xinxing shehui yundong jiegou yinsu zhi tantao <台湾新兴社会运动结构因素之探讨> "Perbincangan tentang Gerakan Pembaharuan Sosial di Taiwan", Ibid., hlm.15.

¹⁹ Yang Guoshu, Taiwan xinxing shehui yundong yantaohui zongjie baogao <台湾新兴社会运动研讨会总结报告> "Laporan Kesimpulan Seminar Gerakan Pembaharuan Sosial di Taiwan", Ibid., hlm.312-314.

Pergerakan pendidikan Cina bermula dari tahun 50-an. Ia merebak dengan pesat disebabkan oleh pelaksanaan 'dasar pendidikan satu bahas' dan lebih tepat lagi adalah untuk membantah Objektif Terakhir yang termeterai dalam *Laporan Razak*.

Keduanya, pergerakan pendidikan Cina merupakan suatu pergerakan untuk mempertahankan dan memperkukuhkan pendidikan bahasa ibunda, lebih-lebih lagi ia berpandukan ideologi mempertahankan hak asasi manusia.

Ketiganya, bermula dari sekolah rendah, menengah sehingga ke kolej (NEC yang baru ditubuhkan) dan universiti (cadangan penubuhan Universiti Merdeka yang telah gagal), pergerakan pendidikan Cina mendapat sokongan yang begitu padat daripada golongan masyarakat terutamanya Masyarakat Cina dan sebahagian masyarakat kaum lain yang berfikiran terbuka. Antara sokongan-sokongan yang telah disalurkan termasuklah berjuta-juta wang dermaan, penubuhan pelbagai jenis tabung pendidikan, persembahan amal, sumbangan berupa harta tanah, bangunan dan harta-harta lain. Sumbangan ini telah menjadikan pergerakan pendidikan Cina semakin kukuh.

Pada dasarnya, Dongjiaozong mempunyai golongan 'grass root' yang kuat dan ini menjadi suatu keunikannya dan modalnya dalam meneruskan perjuangannya sehingga kini.

Keempatnya, usul-usul mengenai pendidikan Bahasa Cina di negara ini sentiasa 'melempi batas' bidang pendidikan dan ini menjadikannya merupakan salah satu isu-isu politik dalam pilihan raya, lebih-lebih lagi sentiasa dijadikan sebagai alat permainan sentimen perkauman. Ini telah mengakibatkan ia membawa pengaruh sosial dan politik serta kesan yang amat besar kepada masyarakat Malaysia.

Kelimanya, sejak dari titik permulaannya lagi, pergerakan pendidikan Cina telah dianjurkan dan dipergerakkan oleh persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan guru. Pihak kerajaan pula menghalang serta menggugat pergerakannya dengan akta-akta atau peraturan-peraturannya. Dongjiaozong pula telah mendapat nama 'Kementerian Pendidikan Golongan Rakyat'.²⁰ Ini jelas menunjukkan pergerakan pendidikan Cina berpunca daripada golongan 'grass root'.

Oleh kerana setiap negara mempunyai keadaan budaya, struktur sosial serta iklim politik yang amat berbeza, maka selain kelima-lima ciri yang agak sama seperti yang diuraikan, pergerakan pendidikan Cina mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan amat unik. Ini termasuklah: pertamanya, ia merupakan suatu pergerakan hak asasi rakyat kerana ia merupakan perjuangan suatu kaum negara ini untuk mempertahankan hak berpendidikan bahasa ibundanya di negara ini; keduanya, ia juga sebagai pergerakan hak asasi manusia. Dalam "Perisytiharan Bersama Bangsa-bangsa Bersatu", "Perisytiharan Hak Asasi Manusia Antarabangsa", "Surat Akuan Hak Asasi Manusia Malaysia" dan *Perlembagaan Persekutuan*, telah termaktubnya fasal berkaitan hak semua suku kaum mempelajari dan mengajari bahasa ibunda masing-masing.²¹ Ketiganya, ia bukan sahaja aktif di luar struktur organisasi kerajaan (termasuk pendidikan peringkat menengah dan

²⁰ Di Malaysia, pendidikan Cina mempunyai sistem sempurna, iaitu dari SRJK(C) sampai institusi pengajaran tinggi. Kesemua ini adalah sumbangan perjuangan jangka masa panjang Dongjiaozong. Pada tahap sekolah menengah pula, Dongjiaozong telah menyunting dan mengguna kurikulum sendiri. Tambahan pula, mulai 1975 SMPC telah mengadakan Peperiksaan Bersama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina di Malaysia, kini sijil ini telah diakui oleh lebih 400 buah universiti di seluruh dunia. Justeru itu, masyarakat Cina menganugerahkan Dongjiaozong sebagai 'Kementerian Pendidikan Golongan Rakyat'.

²¹ Pendidikan bahasa ibunda adalah hak asasi manusia, pendidikan Bahasa Cina bukan rasialisme, suduk pandangan ini boleh rujuk kepada Quanguo huatuan chengyu neige jiaoyu jiantao weiyuanhui beiwanglu <全国华团呈予内阁教育检讨委员会备忘录> "Memorandum Persatuan Cina Keseluruhan Negara Menghadap kepada Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran", bab 1 dan Kua Kia Soong, *Malaixiya huajiao fendoushi*, hlm. 173-182, Memorandum juga terdapat pada hlm. 201-256 buku Kua Kia Soong.

tinggi, menentang akta-akta dan peraturan-peraturan yang kurang adil dan sebagainya) malah juga aktif di aspek dalamannya (SRJK(C) yang mana pihak pentadbir dan guru terdiri daripada kakitangan kerajaan yang menerima gaji dan bantuan kewangan daripada pihak kerajaan. Walaupun bantuan tersebut sebenarnya masih tidak mencukupi). Keempatnya, ia mengandungi unsur-unsur revolusi. Ini berasal dari suatu perasaan 'tertindas' atau 'krisis' dan ingin berusaha untuk 'hidup'. Ini amat berlainan dari pergerakan sosial yang lain yang berkekalan dalam keadaan 'hidup' dan hanya berusaha 'memperbaiki' keadaan yang kurang memuaskan.²²

Jika pergerakan pendidikan Cina dijelaskan dari aspek anggota penggerakannya, maka ia dapat dikatakan sebagai suatu pergerakan sosial yang dilancarkan oleh golongan 'mangsa' yang berkecenderungan kesedaran kerana pendidikan Cina selalu berdepan dengan akta-akta pendidikan yang mengongkong perkembangannya. Tambahan pula, ia tidak mendapat bantuan kewangan yang sepenuhnya daripada kerajaan malah terpaksa sentiasa berusaha keras untuk memajukan diri. Jika dijelaskan dari aspek cara yang digunakan, pergerakan pendidikan Cina merupakan pergerakan yang berpanduan melalui propaganda. Ini merupakan suatu cara perjuangan yang sederhana dan berunsurkan pengajaran seperti melalui memorandum, pernyataan, percetakan, seminar, perhimpunan, perjumpaan dan sebagainya.

Selain itu, ia juga berjuang berteraskan undang-undang. Contoh yang paling baik ialah perbicaraan Kes Universiti Merdeka di mahkamah pada tahun 1980-an. Dalam Artikel Pergerakan Jiao Zong sendiri, telah termeterainya tiga usul yang penting iaitu: (1) permintaan yang rasional iaitu meminta hak diri yang sepatutnya dengan tidak mengancam hak orang lain, (2) langkah yang mengikut undang-undang iaitu segalanya

²² Sama dengan (7), hlm. 11.

mesti berteraskan undang-undang dan tidak menerima segala bentuk pembinasaan dan, (3) adab yang kukuh, iaitu tidak mudah berputus asa.

5.3.2 Dilema yang Dihadapi oleh Pergerakan Pendidikan Cina

Pergerakan pendidikan Cina telah melalui beberapa dekad yang amat genting sungguh pun mempunyai prospek yang amat cerah tetapi masalah-masalah yang sekian lama dihadapinya belum selesai ditangani malah masalah yang baru terus timbul. Di sini disenaraikan beberapa contoh masalah paling rumit yang dihadapi olehnya.

(1) Pergerakan pendidikan Cina digambarkan dengan sengaja oleh pihak kerajaan sebagai pergerakan rasialisme. Sejak dari tahun 1950-an lagi, pergerakan pendidikan Cina telah pun terbabit dan terlibat dalam pergolakan politik pada masa itu. Isu-isu pendidikan Bahasa Cina sering dikait rapatkan dengan isu perkauman dan politik untuk mendapatkan undi atau sokongan semasa pilihan raya oleh ahli-ahli politik. Contohnya, semasa Sim Mow Yu memulakan suatu pergerakan untuk memohon supaya Bahasa Cina dijadikan sebagai bahasa rasmi negara ini, kerajaan serta MCA menghalang dan mengkritik beliau dengan hujah-hujah: “akan mengakibatkan konflik antara kaum”, “tidak dapat menenangkan kemarahan Orang Melayu” dan sebagainya.²³ Contoh yang kedua ialah isu pergerakan pendidikan Cina menentang kerajaan menghantar guru-guru tidak berkelayakan Bahasa Cina menyandang jawatan guru kanan serta guru besar sekolah-sekolah Cina di seluruh negara pada tahun 1987. Pada masa itu, pemuda UMNO telah melaungkan banyak slogan bersentimenkan isu perkauman, misalnya terdapat kain rentang yang ditulis dalam Bahasa Cina, seperti “华人混蛋”, “华人滚回大陆” (Orang

²³ Shen muyu zhiliao huibian bianweihui, *Shen muyu shiji xinian*, hlm.98.

Cina kembali ke China) dan “以华人的鲜血染红马来武士剑”, (Menggunakan darah orang Cina untuk memerahkan keris Melayu) menjadikan keadaan bertambah buruk.²⁴ Akibatnya, kerajaan telah menjalankan Operasi Lalang pada tahun 1987 untuk menangkap pihak pembangkang atau pihak yang mempunyai pendapat yang berbeza dengannya.

(2) Perubahan gaya sokongan media-massa terhadap pergerakan pendidikan Cina. Pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an sehingga 1980-an, para media massa amat mementingkan berita-berita mengenai pendidikan bahasa ibunda tetapi keadaan ini telah berubah sejak 1990-an. Lebih teruk lagi, ada media massa yang sengaja memberikan laporan dan gambaran yang kurang tepat kepada para pembacanya.²⁵ Ini telah menjadi suatu halangan yang tersirat kepada pergerakan pendidikan Cina.

(3) Semangat utilitarianisme dan kapitalisme yang semakin merebak. Pada akhir tahun 1980-an, ekonomi negara semakin mantap. Berikutan konsep Wawasan 2020 yang disarankan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang maju kelak, kebanyakan rakyat terutamanya golongan muda semakin mementingkan kekayaan dan memikirkan kepentingan diri, maka sokongan ke atas pergerakan sosial seperti pergerakan pendidikan Cina menjadi semakin lemah.

(4) Fenomena ‘kepinggiran’ juga timbul. Setelah tertubuhnya Tang Lian pada permulaan tahun 1991, ia sering bekerjasama dengan MCA dalam banyak hal mengenai

²⁴ *Xin Wan Pao* <<新晚报>>, 1987.10.18.

²⁵ Perubahan sikap ini adalah kerana kawalan ketat kerajaan terhadap media-massa, khususya surat khabar. Membaharui permit surat khabar adalah setahun sekali, surat khabar terpaksa membuat laporan dengan berhati-hati untuk mendapat permit. Pada akhiran 80-an permit *SCJP* digantungkan sebab mengemukakan pernyataan memburukkan imej kerajaan, mungkin pengajarannya masih diingati, ini menyebabkan pihak surat khabar tidak berani melapor dan meulas dasar kerajaan tentang pendidikan Cina dengan tajam dan kritikal.

Masyarakat Cina dan sering menyingkirkan Dongjiaozong.²⁶ Kedua-dua MCA dan Tang Lian pula berusaha untuk menggantikan tempat Dongjiaozong dalam hal pergerakan pendidikan Cina.²⁷ Maka ini telah mengakibatkan Dongjiaozong berada dalam satu keadaan terpinggir dan sokongan jitu yang biasanya datang daripada golongan bawahan yang biasanya tertindas akhirnya menjadi semakin tipis.

(5) Pergerakan pendidikan Cina juga disalah faham sebagai pergerakan suku kaum. Pergerakan pendidikan Cina adalah sejenis pergerakan penuntutan hak suku kaum, yang pastilah menuju ke arah identiti kaum Cina. Pergerakan penuntutan hak ini juga akan mengutamakan kaum Cina. Pergerakan pendidikan Cina sering dikaitkan dengan pendidikan Bahasa Cina sahaja dan bukannya bahasa ibunda pelbagai kaum. Ini menimbulkan prasangka serta prejudis kaum lain malahan kaum Cina yang berpendidikan Bahasa Inggeris atau bahasa lain.

5.4 Sumbangan Dongjiaozong

Pergerakan pendidikan Cina yang dipimpin Dongjiaozong sentiasa dicaci oleh golongan yang berpendirian rasialism atau ahli politik sebagai 'kegiatan yang menyebabkan pemecahan dan perselisihan faham antara kaum'. Walau bagaimanapun, pergerakan pendidikan Cina telah menimbulkan reaksi masyarakat yang amat gentar. Oleh sebab pergerakan pendidikan Cina biasanya berdepan dengan peraturan-peraturan dan akta-akta pendidikan kerajaan dan badan yang biasanya bersemuka dengannya iaitu Kementerian

²⁶ Zheng Qingbao, *Huajiao yundong dong huo budong? - tan dongjiaozong de bianyuanhua* <华教运动或不动谈董教总的边缘化> "Pergerakan Pendidikan Cina, Bergerak atau Berhenti? Meninjau tentang Kepinggiran Dongjiaozong", *NYSP*, 1996.04.21.

²⁷ Butiran terperinci tentang hal ini sila rujuk kepada 4.2.

Pendidikan, tambahan pula pendidikan merupakan asas pembinaan sesebuah negara, maka pergerakan pendidikan merupakan suatu pergerakan yang begitu penting dan 'bertaraf nasional'. Ia juga sentiasa menyentuh hal-hal seperti kesamarataan hak antara kaum. Keadaan seumpama ini paling jelas sebelum dan selepas negara mencapai kemerdekaan dan ini telah dibincangkan dalam bab 2.2 dan 2.4. Tidak dapat dielakkan, pergerakan pendidikan Cina terpaksa berdepan dengan pihak kerajaan. Unsur politik telah menambahkan kesukaran pergerakan ini tetapi kekuatan getarannya menyebabkan pihak kerajaan perlu mengambil berat ke atasnya.²⁸

Sebelum merdeka, Jiao Zong, Tiga Pertubuhan dan Lim Lian Geok biasanya berdepan dan berbincang terus dengan kakitangan kanan Kerajaan Penjajah British. Setelah merdeka, mereka berbincang dan berurusan terus dengan Kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional kemudiannya atas hal-hal mengenai pendidikan Bahasa Cina. Contoh-contohnya termasuklah: (1) Lim Lian Geok membongkarkan rahsia sulit *Kertas Putih Pendidikan 1954* kerajaan pada 1954 dan Gabenor MacGillivray sendiri datang ke Sekolah Confucian (iaitu sekolah di mana Encik Lim berkhidmat) untuk membuat penjelasan. (2) Pemimpin Dong Zong dan Jiao Zong berbincang dengan Tunku Abdul Rahman mengenai hal pendidikan Cina di Melaka pada tahun 1955. (3) Sebelum *Akta Pelajaran 1957* diumumkan, Menteri Pelajaran, Abdul Razak bin Hussein membuat jaminan kepada Lim Lian Geok bahawa Objektif Terakhir tidak akan muncul dalam Akta tersebut. (4) Dalam pergerakan menjadikan Bahasa Cina sebagai bahasa rasmi negara,

²⁸ Tan Liok Ee dalam esei bertajuk *Dama bandao huawen jiaoyu de fazhan* <大马半岛华文教育的发展> "Perkembangan Pendidikan Cina di Semenanjung Malaysia" menganggap bahawa pergerakan pendidikan Cina bukan sekadar memainkan peranan yang penting dalam membela pendidikan Cina, maka juga dalam bidang politik. Esei ini sila rujuk Lim Chooi Kwa, Loh Cheng Sun(ed.), *Malaixiya huarenshi*, hlm.304.

Sim Mow Yu telah dipanggil untuk berbincang dengan Menteri Dalam Negeri, Timbalan Perdana Menteri, Ketua Cawangan Khas Polis DiRaja Malaysia dan sebagainya.

Dongjiaozong akan bekerjasama dengan parti politik Cina sekiranya diperlukan. Misalnya Tiga Pertubuhan pada tahun 1950-an, mengadakan mesyuarat agung pengurus-pengurus dan guru-guru sekolah Cina dengan MCA pada tahun 1971, para tokoh pendidikan Cina mengambil bahagian dalam politik pada tahun 80-an, berganding bahu demi membantah isu jawatan kanan SRJK(C) dengan parti pemerintahan dan parti pembangkang pada tahun 1987 serta Sistem Dua Barisan pada tahun 90-an. Kesemua ini menunjukkan perasaan tidak puas hati masyarakat Cina terhadap tindakan dan dasar pendidikan kerajaan. Ini mengakibatkan pihak yang berkenaan terpaksa bertolak-ansur dengan Dongjiaozong.

Hakikat yang paling jelas menunjukkan unsur politik mempengaruhi pergerakan pendidikan Cina dan ini boleh dilihat dari aspek sokongan pengundi kepada parti-parti politik Cina pada setiap pilihan raya.²⁹ Setiap kali, semasa sesuatu dasar atau polisi yang mengancam pendidikan bahasa ibunda diluluskan mahupun dibentangkan semasa pilihan raya, atau apabila kerajaan membuat pengumuman atau pernyataan yang mengecam pergerakan pendidikan Cina, parti-parti komponen Cina kerajaan BN akan mengalami kekalahan yang teruk. Contohnya, MCA telah mengalami tamparan terbesar dalam sejarah pada pilihan raya 1969 kerana tidak menyokong penubuhan Universiti Merdeka dan kehendak masyarakat Cina untuk memohon supaya Bahasa Cina dijadikan salah satu bahasa rasmi. Pada pilihan raya 1990 pula, Gagasan Parti Pembangkang mencapai 'kemenangan' yang menakjubkan kerana ia merupakan hasil Operasi Lalang yang

²⁹ Mengenai peristiwa ini sila rujuk Kua Kia Soong, *Malaysia's huajiao fendoushi*, hlm. 101-114.

diambil susulan bantahan penghantaran guru kanan tidak berkelayakan Bahasa Cina ke sekolah-sekolah Cina. Maka jelaslah parti-parti dalam kerajaan sentiasa cuba memberi impresi yang baik kepada para penyokong pergerakan pendidikan Cina untuk mendapatkan undi mereka dalam pilihan raya.³⁰

Hubungan antara kedua-dua pergerakan pendidikan Cina dan politik boleh disimpulkan sebagai suatu pertarungan antara masyarakat dengan politik. Apabila sesuatu isu timbul, maka ia merebak menjadi isu yang gempar di seluruh negara dan mereka yang menceburkan diri dalamnya pula sentiasa menghadapi bahaya 'diajar' oleh pihak pemerintah. Walaupun ada pendapat yang mengatakan pergerakan pendidikan Cina sebenarnya sukar dan tidak mungkin setanding dengan kerajaan yang mempunyai segala sumber dan mesin 'penggerak' yang terlalu kuat, tetapi ada yang berpendapat bahawa pergerakan pendidikan Cina akan 'terus wujud dan tidak akan pupus'.

Kewujudan dan kekekalan Dongjiaozong selama hampir setengah abad tidak dijangka oleh kerajaan. Di samping mendapat sokongan padu masyarakat Cina, ia juga memberi sumbangan yang sewajarnya kepada negara. Pertamanya, ia membangkitkan rakyat jelata menyedarkan betapa Objektif Terakhir meninggalkan pengaruh negatif kepada pendidikan Cina dan dasar pendidikan bersifat monolingual yang hanya mengutamakan suatu bahasa kepada perpaduan antara kaum yang mana apabila dasar seumpama ini dilaksanakan, penindasan, pembahagian tidak sama rata serta projek pengasimilasian yang melanggar hak asasi manusia juga terus berlaku. Jadi, SRJK(C)

³⁰ Sebelum pilihan raya 1990, Menteri Besar Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka menunjukkan sikap mesra terhadap sekolah Cina dengan memperuntukkan wang dan bebas cukai. Negeri lain seperti Perak, Kelantan dan sebagainya juga dapat layanan yang sama. Pilihan raya 1994, Perdana Menteri Dato' Sri Doktor Mahathir buat pertama kali mengunjungi ke SMPC di Sarawak, selain daripada memuji sumbangan SMPC, ia juga memperuntukkan wang kepada SMPC di Sarawak. Sikap mengambil berat terhadap sekolah Cina pada tiap-tiap tahun pilihan raya diejek oleh parti pembangkang sebagai publisti mengambil hati para pengundi. Sila rujuk kepada *Tong Pao*, 1990.03.20. dan *CP*, 1995.04.04.

sungguh pun sama diletakkan di dalam sistem pendidikan negara seperti sekolah-sekolah jurusan yang lain, tetapi ia sering menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar, kesesakan bilik darjah (bilangan murid dalam sesuatu kelas terlalu banyak disebabkan kekurangan sekolah dan bilik darjah yang baru), kerajaan tidak mengambil bertindakan untuk membina sekolah yang baru, peruntukan yang kurang dan tidak serata dan sebagainya. Di samping itu, SMPC juga disingkirkan dari sistem pendidikan negara dan tidak mendapat sebarang peruntukan daripada pihak kerajaan di samping sijil peperiksaan atau taraf akademiknya pula tidak diiktiraf oleh kerajaan. Sebaliknya, masalah-masalah seumpama ini tidak langsung berlaku di sekolah-sekolah kebangsaan. Ini membawa ruang yang begitu besar kepada pimpinan Dongjiaozong untuk memperjuangkan fenomena yang kurang sihat di negara ini.

Keduanya, ideologi 'pluralisme' Dongjiaozong membantu negara dalam mencapai hasrat menjadi pusat pendidikan serantau. KPM telah menetapkan suatu sasaran untuk menjadikan negara ini sebuah pusat pendidikan serantau dan terunggul di Asia.³¹ Dongjiaozong yang berusaha mempelbagaikan jurusan dan jenis pendidikan sejajar dengan kehendak negara dan dunia, telah membantu untuk merealisasikan hasrat ini.

Ketiganya, usaha masyarakat Cina untuk melengkapkan sistem pendidikan Bahasa Cina di negara ini selama berpuluh-puluh tahun telah menjadikan Malaysia negara yang terunggul dan terunik dalam bidang pendidikan Bahasa Cina selain China dan Taiwan. Ini telah mendapat tempat yang begitu tinggi di mata dunia.

Keempat, sungguh pun Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-sekolah Persendirian Cina di Malaysia (Certificate of Unified Examination for Independent Chinese Secondary

³¹ *NYSP*, 1996.08.27.

School Malaysia) tidak diiktiraf oleh kerajaan Malaysia, tetapi ia mendapat perhatian dan diterima di seluruh dunia termasuk universiti-universiti yang terkenal seperti Universiti Harvard, Universiti Oxford dan sebagainya. Lulusan pelajar-pelajar dari SRJK(C) dan SMPC yang berkeupayaan bertutur dan bertulis dalam sekurang-kurangnya tiga bahasa telah menjadi saluran komunikasi dalam bidang perniagaan antara negara kita dengan pelabur-pelabur dari negara China dan Taiwan. Semakin banyak ibu bapa bukan berbangsa Cina menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan pendidikan di sekolah-sekolah ini telah mengesahkan kepentingannya di negara ini. Selain itu, murid-murid SMPC adalah lebih mengutamakan dalam mata pelajaran Matematik dan Sains. Ini telah membekalkan lebih banyak orang yang berbakat dalam bidang industri. Disiplin baik SMPC juga boleh dijadikan contoh atau teladan kepada sekolah kebangsaan.